

Subsidi penternak ayam dihenti 1 Julai

Sinar Harian - 2/6/2022 mlb: 5

FOTO: ROSLI TALIB

Sebaliknya kerajaan salurkan terus subsidi bantu rakyat yang memerlukan

Oleh **IZWAN ROZLIN & MOHAMMAD KHAIRIL ASHRAF MOHD KHALID**
KUALA LUMPUR

Kerajaan akan menghentikan bayaran subsidi kepada penternak ayam mulai 1 Julai ini. Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, ramai dalam kalangan penternak tidak menuntut bayaran subsidi dan pelbagai isu dibangkitkan.

“Oleh itu, mulai 1 Julai nanti kita tidak lagi akan memberikan subsidi

kepada penternak tetapi kita akan berikan terus kepada rakyat yang memerlukan,” katanya ketika berucap pada Konvensyen Ulang Tahun Barisan Nasional Ke-48 pada Rabu.

Menurut Ismail Sabri, kerajaan akan memperkenalkan sumbangan kewangan terus kepada rakyat terutama golongan B40 untuk pastikan bebanan kenaikan harga ayam tidak terlalu dirasai kerana ada sumbangan tunai oleh kerajaan.

“Di Malaysia harga apapun boleh naik tetapi jangan harga ayam. Kalau dibiarkan harga diapungkan, harga ayam ketika ini boleh mencecah RM12 sekilogram tetapi dalam usaha untuk pastikan rakyat tidak terbeban, kerajaan beri subsidi kepada penternak untuk kekal harga sebanyak RM8.90. Untuk ini kerajaan berbelanja sebanyak RM720 juta,” katanya.

Beliau memberitahu, Kementerian

Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengumumkan mekanismenya.

“Kerajaan juga menggalakkan industri agromakanan ini dipergiat supaya semua yang terlibat dalam industri makanan ini.

“Untuk itu, kerajaan menubuhkan Tabung Agro makanan berjumlah RM500 juta dengan pemberian pinjaman kepada pemain-pemain industri agromakanan,” katanya.

Beliau menjelaskan, kerajaan juga akan mengenal pasti pertubuhan peladang dan koperasi-koperasi yang terlibat dalam projek agromakanan ini untuk dibantu dari segi kewangan.

“Kerajaan juga mewujudkan stok penimbun untuk ayam, daging dan juga ikan serta sedang mengkaji insentif cukai untuk diberikan kepada pemain industri agromakanan,” katanya.



Ismail Sabri berucap pada konvensyen Barisan Nasional pada Rabu.